

22/08/1997

Mahathir beri ucap utama

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap utama pada Seminar Pemikiran Strategik di sini 9 Oktober ini.

Seminar anjuran MCA itu akan mengemukakan tiga penceramah yang akan membentangkan kajian mereka meliputi latar belakang Islam, Cina dan India.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata seminar itu bertemakan "Belajar dari Tiga Tamadun Besar Asia bagi Pengurusan Moden Hari Ini."

"Seminar itu bertujuan mempelajari bagaimana tiga masyarakat terbesar itu mencatat sejarah yang menjadikan Malaysia tempat bertemunya tiga tamadun terbesar iaitu Islam, Hindu dan Cina," katanya pada persidangan berita sini hari ini.

Tiga pembentang kertas kerja terdiri dari pensyarah dari Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Dr Mohammad Redzuan Othman, pensyarah Jabatan Pengajian India UM, Dr Kanthasamy Nallusamy dan seorang perunding dari Singapura, Dr Lee Man. - Bernama

(END)